

SUSUNAN V

Pengukuran bawah tanah

1. Jadual ini memperuntukkan fi pengukuran untuk hakmilik stratum dan pengukuran bawah tanah yang lain.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan untuk pengukuran bawah tanah ialah RM1,000.00 bagi setiap permohonan;
 - (c) caj bagi pengukuran di atas permukaan tanah ialah seperti yang berikut:
 - (i) kawalan planimetri dan sambungan – RM2.00 bagi setiap meter;
 - (ii) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (iii) caj bagi pengukuran bagi setiap lot ialah seperti di bawah Susunan I; dan
 - (iv) caj bagi pengukuran sambungan ketinggian dan kawalan ialah RM540.00 bagi setiap kilometer;
 - (d) caj bagi pengukuran bawah tanah ialah seperti yang berikut:
 - (i) bagi pemindahan datum planimetri ke suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan Tanda Aras di tapak, cajnya ialah RM1,740.00. Bagi tiap-tiap tambahan kedalaman sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, satu caj tambahan 10% hendaklah dibuat;

- (ii) bagi pemindahan datum ketinggian ke suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan Tanda Aras di tapak, cajnya ialah RM2,610.00. Bagi tiap-tiap tambahan perbezaan ketinggian sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, suatu caj tambahan 10% hendaklah ditambah; dan
 - (iii) bagi pengukuran seperti binaan struktur bawah tanah, caj hendaklah dua kali kadar dalam Susunan I.
- (e) caj bagi pembinaan Tanda Aras ialah RM300.00 bagi setiap Tanda Aras;
- (f) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b),(c) dan (d) di atas adalah terpakai; dan
- (g) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.